

HLM Takaful i-Saver20 Simpan Dan Dilindungi



Sila kunjungi mana-mana cawangan kami atau
hubungi 1-800-38-8888

Layari www.hlisb.com.my

Perancangan Awal untuk Merealisasikan Matlamat Anda

Dalam hidup ini, adalah menjadi kelaziman untuk anda mula menentukan keputusan penting yang bakal mengubah kehidupan seperti melangsungkan perkahwinan dengan cinta hati anda, memiliki harta tanah sendiri, menaik taraf kenderaan, membina atau mengembangkan keluarga, atau menjalankan perniagaan baharu. Kesemuanya HANYA boleh mula dilakukan apabila anda mempunyai simpanan yang mencukupi.

Memperkenalkan HLM Takaful i-Saver20, produk endowmen Takaful sepanjang 20 tahun dengan tempoh pembayaran sumbangan terhad sama ada 3 atau 7 tahun, yang mampu memenuhi kedua-dua keperluan perlindungan dan simpanan anda.

HLM Takaful i-Saver20 menyediakan perlindungan yang semakin meningkat untuk Kematian dan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD) bagi memenuhi peningkatan keperluan perlindungan akibat inflasi dan komitmen tambahan dalam kehidupan. Ia juga membayar manfaat tambahan sekiranya berlaku Kematian akibat Kemalangan untuk menampung kejutan kewangan yang disebabkan oleh kejadian yang tidak disangka.

Selain itu, bayaran tunai sehingga 12% daripada Jumlah Dilindungi Asas akan dibayar setiap 3 tahun sebagai *Living Rewards* sepanjang tempoh perlindungan. Anda juga boleh memilih untuk melaburkan semula bayaran tunai ini untuk mendapatkan potensi pulangan pelaburan.

Ada lagi! Manfaat kematangan juga akan disediakan pada akhir tempoh perlindungan untuk membantu mencapai matlamat hidup anda. Paling utama, pendaftaran HLM Takaful i-Saver20 adalah mudah dan ringkas dengan hanya menjawab beberapa soalan kesihatan dan tidak memerlukan sebarang pemeriksaan kesihatan.

MENGAPA HLM TAKAFUL i-SAVER20?



Komitmen Jangka Pendek Untuk Perlindungan Selama 20 Tahun

Anda hanya perlu membayar sumbangan untuk 3 atau 7 tahun bergantung kepada keperluan anda sambil menikmati perlindungan selama 20 tahun.



Peningkatan Perlindungan Sehingga 300% daripada Jumlah Dilindungi Asas

Sekiranya berlaku Kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh & Kekal (TPD) (perlindungan sehingga umur 65 tahun pada harijadi akan datang), Manfaat Kematian/TPD Dijamin¹ ditunjukkan dalam jadual di bawah akan dibayar berserta nilai akaun dalam Akaun Pelaburan Peserta (jika anda memilih Pilihan 2 bagi *Living Rewards*):

Tahun Sijil	Manfaat Kematian/TPD Dijamin ¹ (sebagai % daripada Jumlah Dilindungi Asas)	
	Umur Kemasukan (harijadi akan datang)	
	1 – 46	47 – 60
1 – 5	150%	125%
6 – 10	200%	150%
11 – 15	250%	175%
16 – 20	300%	200%



3x Perlindungan Tambahan untuk Kematian Akibat Kemalangan

Jika berlaku Kematian akibat Kemalangan (perlindungan sehingga umur 65 tahun pada harijadi akan datang), jaminan 300% daripada Jumlah Dilindungi Asas¹ akan dibayar sebagai tambahan kepada Manfaat Kematian.



Living Rewards Sehingga 12% daripada Jumlah Dilindungi Asas

Bermula dari akhir tahun sijil ke-3 dan selanjutnya setiap 3 tahun seterusnya, bayaran tunai seperti ditunjukkan di bawah akan dibayar sebagai *Living Rewards*:

Akhir Tahun Sijil	% daripada Jumlah Dilindungi Asas
3, 6, 9	3%
12, 15, 18	12%

Terdapat 2 pilihan disediakan:

Pilihan 1: Untuk menerima bayaran *Living Rewards* apabila tiba masa.

Pilihan 2: Untuk melaburkan semula *Living Rewards* ke dalam Akaun Pelaburan Peserta (PIA) pada kadar peruntukan 100%. Pilihan ini boleh menjana potensi pulangan pelaburan bergantung kepada prestasi dana berkaitan pelaburan pilihan anda.² Anda boleh melakukan pengeluaran separa daripada PIA pada bila-bila masa tanpa sebarang caj.



Penyertaan Ringkas & Mudah

Hanya beberapa soalan kesihatan akan ditanya dan tiada pemeriksaan kesihatan diperlukan. Walau bagaimanapun, jika anda mahukan penyertaan yang dipermudah, sila rujuk kepada Soalan 2 di bawah Soalan Lazim untuk maklumat lanjut.



Manfaat Kematangan

Apabila sijil matang, 100% daripada Jumlah Dilindungi Asas akan dibayar berserta nilai akaun dalam Akaun Pelaburan Peserta (jika anda memilih Pilihan 2 bagi Living Rewards).



Perkhidmatan Nilai Tambah

1. Badal Haji (untuk Muslim) – Bermaksud melaksanakan rukun Haji di Mekah bagi pihak mereka yang tidak dapat melaksanakan Haji dengan sendirinya disebabkan oleh penyakit, usia tua atau mati. Sekiranya berlaku kematian atau TPD, sejumlah RM3,500 (ditolak dari manfaat Takaful yang perlu dibayar di bawah sijil anda) akan dibayar kepada penyedia perkhidmatan Badal Haji yang dilantik oleh Kami, untuk melaksanakan Haji bagi pihak anda.
2. Wakaf – Sekiranya berlaku kematian atau TPD, sejumlah RM500 (ditolak dari manfaat Takaful yang perlu dibayar di bawah sijil anda) akan dibayar kepada pembekal perkhidmatan Wakaf yang dilantik oleh Kami, untuk menjalankan Wakaf bagi pihak anda.
3. Korban (untuk Muslim) – Bererti menjalankan “Ibadah Korban” termasuk pembelian dan penyembelihan binatang sembelihan seperti kambing, kambing biri-biri, lembu dan unta bagi pihak anda. Sekiranya berlaku kematian atau TPD, sejumlah RM750³ (ditolak dari manfaat Takaful yang perlu dibayar di bawah sijil anda) akan dibayar kepada penyedia perkhidmatan Korban yang dilantik oleh kami.

¹ Bayaran manfaat ini adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan dalam sijil Takaful.

² Nilai akaun PIA mungkin kurang daripada jumlah Living Rewards yang dilaburkan semula ke dalam dana berkaitan pelaburan.

³ Tertakluk kepada harga pasaran tahunan semasa Korban dijalankan.

INFO LANJUT MENGENAI HLM TAKAFUL i-SAVER20

Umur Kemasukan

30 hari – 60 tahun pada harijadi akan datang

Tempoh Pembayaran Sumbangan

Pilihan 3 atau 7 tahun

Tempoh Perlindungan

20 tahun

Jumlah Dilindungi Asas (RM)

Sumbangan Bulanan (RM)	Tempoh Pembayaran Sumbangan	
	3 tahun	7 tahun
500	15,000	35,000
1,000	30,000	70,000

Jenis Dana

1. Dana Risiko Peserta (PRF)

Sumbangan yang dibayar selepas ditolak Yuran Wakalah akan disalurkan ke dalam PRF sebagai Tabarru' untuk menyediakan manfaat Takaful di bawah produk ini. Semua manfaat Takaful iaitu Manfaat Kematian/TPD Dijamin¹, Manfaat Kematian Akibat Kemalangan Dijamin¹, Manfaat Kematangan dan Living Rewards dibayar daripada PRF. Sebarang lebihan daripada PRF akan diagihkan dalam nisbah 50:50 di antara pengendali Takaful (berdasarkan prinsip Ju'alah) dan peserta yang layak.

2. Akaun Pelaburan Peserta (PIA)

Jika Pilihan 2 telah dipilih untuk Living Rewards, 100% daripada Living Rewards akan ditukar kepada unit dana berkaitan pelaburan pilihan anda dan diperuntukkan ke dalam PIA. Kami akan menguruskan dan melaburkan PIA, selaras dengan terma dan syarat sijil. Nilai dana berkaitan pelaburan akan berdasarkan prestasi sebenar dan pulangan pelaburan adalah tidak dijamin. Untuk produk ini, kami menawarkan Dana HLMT i-Income, Dana HLMT i-Balanced dan Dana HLMT i-Equity. 100% daripada keuntungan pelaburan akan dikreditkan semula ke dalam PIA. Risiko pelaburan bagi dana berkaitan pelaburan ini akan ditanggung sepenuhnya oleh anda. Sila rujuk kepada Helaian Fakta Dana untuk keterangan mengenai pelaburan dasar dan risiko berkaitan setiap dana.

Yuran & Caj

1. Yuran Wakalah

Yuran Wakalah adalah yuran pentadbiran kami yang ditolak daripada sumbangan untuk membayar perbelanjaan pengurusan dan kos pengedaran langsung, termasuk komisen. Peratusan Yuran Wakalah berbeza dengan tempoh pembayaran sumbangan dan tahun sijil seperti yang ditunjukkan di bawah:

% daripada Sumbangan	Tahun Sijil								
Tempoh Pembayaran Sumbangan	1	2	3	4	5	6	7	8 - 20	
3 tahun	32%	20%	20%	Tidak Berkenaan					
7 tahun	36%	22%	21%	10%	9%	9%	8%	Tidak Berkenaan	

2. **Tabarru'**⁴

Tabarru' yang telah ditentukan berdasarkan tempoh pembayaran sumbangan dan tahun sijil akan ditolak daripada sumbangan. Kadar Tabarru' adalah tidak kekal pada tahap yang sama dan tidak dijamin. Jumlah Tabarru' adalah bersamaan dengan sumbangan ditolak Yuran Wakalah.

3. Caj Serahan

Tahun Sijil	% daripada Nilai Serahan Tunai
1 - 3	30%
4 - 8	25%
9 - 19	15%
20	0%

Yang berikut adalah terpakai jika Pilihan 2 dipilih untuk Living Rewards.

4. Caj Pengurusan Dana (FMC)⁴

Yuran ini dikenakan untuk tujuan pengurusan PIA bagi pihak Peserta seperti yang ditunjukkan di bawah:

Dana berkaitan Pelaburan	FMC (sebagai % daripada nilai dana pelaburan)
Dana HLMT i-Income	1.00% setahun
Dana HLMT i-Balanced	1.25% setahun
Dana HLMT i-Equity	1.50% setahun

5. Yuran Pertukaran Dana⁴

Dikecualikan.

6. Yuran Pengeluaran Separa⁴

Dikecualikan.

Jumlah pengeluaran minimum: RM500

Nilai akaun minimum dalam PIA selepas pengeluaran: RM1,000

⁴ Kami berhak untuk menyemak semula yuran dan caj dengan memberi notis bertulis kepada Peserta 90 hari sebelum ulang tahun sijil berikutnya.

SOALAN LAZIM

1. Apakah maksud Takaful?

Istilah ‘Takaful’ merujuk kepada skim berdasarkan persaudaraan, perpaduan dan saling membantu yang menyediakan bantuan dan pertolongan kewangan kepada peserta-peserta sekiranya diperlukan di mana peserta-peserta bersetuju untuk menyumbang untuk tujuan tersebut. Setiap peserta bersetuju untuk menyumbang berdasarkan Tabarru’ (derma) yang disatukan untuk memberi manfaat semasa berlakunya kejadian malang yang dialami oleh mana-mana peserta.

2. Adakah terdapat pilihan untuk mendapatkan perlindungan melalui permohonan yang dipermudah?

Ya, kami menawarkan produk serupa yang dikenali sebagai HLM Takaful i-Saver20 Plus dengan permohonan dipermudah atas dasar kempen yang akan kami umumkan mengikut budi bicara kami. Tiada soalan kesihatan yang akan ditanya dan anda dikehendaki mengaku bahawa Orang Dilindungi:

- sihat secara mental dan mampu menjawab soalan semasa temuduga (hanya berkenaan untuk umur 5 dan ke atas); dan
- buat masa ini tidak diwadkan di Unit Rawatan Rapi (ICU), Unit Rawatan Kritikal (CCU), Unit Rawatan Separa Rapi (HDU), atau terlantar sakit; dan
- buat masa ini tidak mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal.

Ciri-ciri HLM Takaful i-Saver20 Plus adalah hampir serupa dengan HLM Takaful i-Saver20. Salah satu perbezaan HLM Takaful i-Saver20 Plus adalah sekiranya berlaku kematian atau TPD yang bukan disebabkan oleh kemalangan semasa tahun sijil ke-1 dan ke-2, manfaat dibayar akan terhad kepada jumlah sumbangan yang telah dibayar. Sila rujuk Helaian Pendedahan Produk (PDS) untuk butiran produk atau kakitangan bank untuk maklumat lanjut.

3. Apakah rider yang tersedia untuk meningkatkan perlindungan saya?

Tiada rider yang boleh dilampirkan kepada HLM Takaful i-Saver20.

4. Apakah mod dan cara pembayaran sumbangan?

Anda boleh membayar sumbangan anda secara tahunan, separa tahunan, suku tahunan atau bulanan melalui kad kredit atau debit auto.

5. Apakah pengecualian untuk HLM Takaful i-Saver20?

- Manfaat Kematian tidak akan dibayar untuk kematian akibat secara langsung atau tidak langsung dari bunuh diri dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh permulaan sijil.

- Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh & Kekal (TPD) tidak akan dibayar bagi sebarang keadaan/kecederaan/peristiwa yang berlaku secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh kecederaan diri sendiri yang disengajakan ketika siuman atau tidak siuman, di bawah pengaruh alkohol, narkotik atau dadah, aktiviti penerangan sendiri, perkhidmatan ketenteraan, peperangan, tindakan keganasan, tindakan jenayah, aktiviti dan sukan yang berbahaya dan yang seumpama dengannya.
- Manfaat Kematian akibat Kemalangan tidak akan dibayar untuk kematian akibat kemalangan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh kecederaan diri sendiri semasa siuman atau tidak siuman, rusuhan dan kekecohan awam, mogok atau kegiatan pengganas, peperangan, diisyiharkan atau tidak diisyiharkan, revolusi atau sebarang operasi perang.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk sijil Takaful untuk senarai lengkap pengecualian.

6. Apakah yang berlaku jika saya menamatkan sijil saya lebih awal?

Anda boleh menyerahkan sijil anda dengan mengembalikan sijil kepada kami berserta notis bertulis yang ditandatangani oleh anda. Nilai serahan tunai daripada PRF (jika ada) ditolak caj serahan ditambah nilai akaun PIA (jika anda memilih Pilihan 2 bagi *Living Rewards*) akan dibayar. Anda akan kehilangan manfaat di bawah sijil anda dan amaun yang akan dibayar kepada anda mungkin kurang berbanding jumlah sumbangan yang telah anda bayar.

7. Adakah sumbangan yang dibayar untuk HLM Takaful i-Saver20 layak untuk pelepasan cukai pendapatan?


Ya. Anda layak mendapat pelepasan cukai peribadi di bawah "Insurans Hayat dan EPF" bagi sumbangan yang dibayar, tertakluk kepada keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

NOTA PENTING

1. Risalah ini memberikan ringkasan tentang ciri-ciri utama produk ini dan tidak membentuk satu sijil Takaful. Anda hendaklah membaca Helaian Pendedahan Produk dan Ilustrasi Manfaat untuk maklumat tambahan dan sijil Takaful untuk terma dan syarat lengkap di bawah produk ini.
2. Anda harus berpuas hati bahawa pelan ini adalah yang terbaik untuk memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang perlu dibayar di bawah sijil adalah dalam kemampuan anda.
3. Anda harus memberikan maklumat yang mencukupi dan tepat supaya nasihat yang sesuai dan kesesuaian produk untuk memenuhi keperluan dan keadaan anda boleh diberikan kepada anda.
4. Anda boleh membatalkan sijil anda dengan mengembalikan sijil dalam tempoh bertenang selama 15 hari selepas sijil telah dihantar kepada anda. Sumbangan yang telah anda bayar akan dikembalikan kepada anda.
5. Anda diberi tempoh ihsan selama 90 hari dari tarikh akhir pembayaran sumbangan. Tidak membayar sumbangan selepas tempoh ihsan boleh menyebabkan pengurangan atau penamatan awal perlindungan anda. Sila rujuk sijil Takaful untuk maklumat lanjut.
6. Penyertaan dalam sijil Takaful Keluarga sumbangan berkala adalah suatu komitmen jangka panjang. Adalah tidak dianjurkan untuk memegang pelan ini untuk tempoh masa yang singkat memandangkan kos permulaan yang tinggi.
7. Jika anda membatalkan sijil anda lebih awal, anda mungkin akan menerima amaun sedikit daripada yang telah disumbangkan.
8. Sijil ini tidak akan memberikan apa-apa bayaran daripada PRF apabila penamatan awal sijil kecuali nilai serahan tunai.
9. Jika anda memerlukan maklumat tambahan tentang Takaful Keluarga, sila rujuk risalah insuranceinfo mengenai "Takaful Keluarga" di mana-mana cawangan kita, atau lawati www.insuranceinfo.com.my.
10. Hong Leong MSIG Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Nota berikut berkenaan dengan Pilihan 2 *Living Rewards*:

1. **Ini adalah produk Takaful di mana Pilihan 2 *Living Rewards* terikat kepada prestasi aset dasar dan ianya bukan satu produk pelaburan semata-mata seperti unit amanah.**
2. Prestasi dana adalah tidak dijamin. Harga unit mungkin turun atau naik bergantung kepada prestasi aset dasar dana. Risiko berpotensi untuk melaburkan semula *Living Rewards* dalam dana berkaitan pelaburan akan ditanggung sepenuhnya oleh anda. Nilai akaun PIA mungkin kurang daripada jumlah *Living Rewards* yang dilaburkan semula ke dalam dana berkaitan pelaburan. Sila rujuk Helaian Fakta Dana untuk keterangan mengenai pelaburan dasar dan risiko berkaitan setiap dana.



Diedarkan oleh:

Hong Leong Bank Berhad (97141-X)

Hong Leong Islamic Bank Berhad (686191-W)

Diunderit oleh:

Hong Leong MSIG Takaful Berhad (738090-M)

Hong Leong MSIG Takaful Berhad merupakan ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, beberapa manfaat yang dilindungi di bawah sijil takaful yang ditawarkan oleh Hong Leong MSIG Takaful Berhad dilindungi oleh PIDM daripada kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful, sekiranya berlaku kegagalan sesebuah ahli penginsurans. Untuk maklumat lanjut mengenai had-had perlindungan dan skop perlindungan, sila dapatkan risalah maklumat PIDM dari Hong Leong MSIG Takaful Berhad atau layari laman web PIDM (www.pidm.gov.my) atau hubungi talian bebas tol PIDM (1-800-88-1266).

Ibu Pejabat

Tingkat 5, Menara B, PJ City Development,
No. 15A, Jalan 219, Seksyen 51A,
46100 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia.

Tel: 03-7650 1800 Faks: 03-7620 6730

Untuk keterangan lanjut,
sila layari www.hlmtakaful.com.my